

‘Usah bicara soal perjuangan jika tiada keberanian’

Pengarah ambil semangat figura hasil filem Anwar: *The Untold Story*

Oleh Affan Rostam
affan.rostam@bh.com.my

Di sebalik keberhasilan syarikat produksi, Yusrych Global Sdn Bhd menerbitkan filem biopik, *Anwar: The Untold Story*, ternyata mereka berdepan beberapa kesukaran sebelum memastikan naskhah itu benar-benar bersedia untuk diangkat ke layar perak di seluruh negara bermula 18 Mei ini.

Pengarahnya, Viva Westi mengakui, antara cabaran ketika menjayakan filem yang menceritakan ranjau perjalanan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mula memegang jawatan Menteri Kewangan antara 1991 sehingga dipecat pada 1998 itu adalah mendapatkan keizinan menayangkan di Malaysia.

Malah, katanya, antara perkara yang menambahkan kesukaran menghasilkan filem berkenaan adalah penggambarannya

banyak dijalankan di Indonesia, apatah lagi usaha mengangkat nama figura politik yang sentiasa ‘panas’ itu menuntut kepada pelbagai kajian sebelum dapat difilamkan.

“Beberapa tahun lalu apabila berbicara mengenai Anwar semuanya kelihatan ‘alergik’ dan adakah saya diberi keizinan untuk menghasilkan filem ini?”

“Perkara paling berat apabila kita bersimpati kepada seseorang dan ingin membuatkan filem yang menceritakan mengenai perjuangannya. Cuma, ia tidak sebegitu ideal dan sempurna.

“Seharusnya penggambaran filem ini dijalankan sepenuhnya di Malaysia, termasuk menggunakan khidmat pelakon di negara ini.

“Bagaimanapun, kami harus melakukan semuanya di Jakarta, Indonesia termasuk membina rumah Anwar. Semua set digunakan untuk penghasilan filem dibina,” katanya ketika ditemui pada sidang media selepas tayangan perdana filem *Anwar: The Untold Story* di Dadi Cinema, Pavilion Kuala Lumpur, Isnin lalu.

Mengulas keberaniannya menghasilkan filem berkenaan biar pun berasal dari Indonesia, Viva berkata, semangatnya datang ketika bertemu Anwar dan isteri,



Viva dan Anwar ketika tayangan perdana filem *Anwar: The Untold Story* di Dadi Cinema, Pavilion Kuala Lumpur, Isnin lalu.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Justeru, Viva nekad dengan keputusan untuk terbabit dalam penghasilan filem *Anwar: The Untold Story* selepas berasakan perlu ada pihak yang berani menegenahkan perjalanan Anwar dalam pentadbiran negara suatu ketika dahulu ke layar perak.

“Ketika orang bertanya kepada saya mengenai keberanian, saya juga terfikir adakah saya ini

seorang yang begitu berani. Tidak mudah menceritakan sesuatu perkara yang dianggap asing’, tetapi ketika bertemu Dr Wan Azizah, saya menemui kekuatan.

“Saya berasakan Anwar memberikan tenaga dan kekuatan untuk tampil berani menghasilkan filem berkenaan. Mungkin yang perlu diketahui adalah tidak mudah mengiyakan atau mengambil risiko.

“Cuma saya berfikir sekiranya tiada sesiapa yang terbuka untuk bercerita mengenai Anwar, ada-

kah saya juga perlu berasakan seperti itu. Bagaimanapun, ini adalah saatnya untuk menceritakannya kepada orang ramai,” katanya kepada *HIP*.

Jelas Viva, untuk menggarap naskhah yang dapat merumuskan keseluruhan kisah dan fakta membabitkan Anwar adalah sukar, justeru hanya menyerahkan segala penilaian kepada penonton.

“Saya tidak berharap filem ini 100 peratus sama dengan kisah sebenar Anwar. Saya pasti Anwar lebih tahu mengenai dirinya sendiri.

“Saya cuma berfikir bahawa penonton boleh mendapatkan pengetahuan mengenai Anwar menerusi filem ini, walaupun sekadar 20 peratus.

“Apabila melihat Anwar dan isterinya tersentuh saat menonton filem ini, saya rasa bersalah apabila membuka kembali cerita lama yang begitu mengguris perasaan mereka.

“Mendefinisikan kepuasan hati itu tidak mudah, cuma saya mahu tanya kebanyakan penonton adakah mereka berpuas hati dengan keseluruhan filem ini.

“Saya serahkan penilaian kepada penonton kerana saya hanya pembikin filem,” katanya.